

# Denai Warisan bantu promosi Terengganu

SA 29/4/09, m/s T3

W. SAIDATUL FADZILAHW.  
NAJEMUDIN

## KUALA TERENGGANU

Kerajaan negeri akan membantu mengekalkan rumah yang memiliki seni dan ciri warisan bagi mengekalkan bentuknya sebagai usaha memajukan pelancongan Terengganu.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan negeri, Datuk Za'abar Mohd Adib berkata, ia bertujuan mewujudkan perkampungan Denai Warisan di kawasan Losong.

Mereka yang terpilih akan diberi bantuan untuk mengekalkan keaslian rumah masing-masing.

Menurut Za'abar peruntukan masih belum diputuskan namun pihaknya masih memilih rumah di sekitar kawasan berkenaan yang berpotensi diketengahkan sebagai produk pelancongan.

"Kami masih senaraikan beberapa rumah lama yang didiami dan berhasrat memberi bantuan terus kepada rumah terpilih untuk dibaiki semula, sesuai dengan bentuk asal, kemudian akan wujudnya Denai Warisan bagi perkampungan di Losong," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Sungai Berang Uncovered di Hotel Primula, semalam.

Sungai Berang Uncovered adalah program kerajaan negeri bersama Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Terengganu (MTPNT) dan Hera Alam Sdn Bhd akan diadakan di Sungai Berang, Hulu Terengganu bersesuaian dengan promosi Pelancongan Domestik iaitu Zoom!



● Za'abar (kiri) melancarkan perasmian Sungai Berang Uncovered 2009 di Hotel Primula, semalam.

Malaysia, bermula 7 hingga 9 Mei ini.

Beberapa peserta terbabit, antaranya bagi acara kayak melibatkan 200 peserta, selain jurugambar profesional juga turut serta untuk menyediakan penggambaran keseluruhan Sungai Berang bagi tujuan promosi di dalam dan luar negara.

Mereka akan dibantu tenaga profesional dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang akan menambah input dari segi akademik.

Menurut Za'abar, program berkenaan bertujuan memberi pendedahan baru sebagai destinasi jelajah alam semula jadi yang akan mewarnai produk eko pelancongan negara dan negeri, selain sebagai

pemangkin kepada penemuan destinasi lain.

Terdahulu, Za'abar berkata, beliau masih melihat kekuatan Denai Warisan dengan menambah baik produk 'river cruise' yang boleh dialami pelancong dengan melihat rumah bercirikan warisan Terengganu.

"Kerja bagi benteng pemecah ombak selatan hampir siap, mungkin jika kami terima kapal Cruise yang bawa 2,000 hingga 3,000 pelancong ke kawasan selatan adalah sesuai kerana potensi amat besar.

"Taman Tamadun Islam (TTI) dan Denai Warisan akan menjadi tarikan produk pelancongan yang akan kita persembahkan," katanya.